

Kubana Pasu calonkan dua penyandang, Muhyiddin

BH 31 MAR 2000

KIJALA LUMPUR. Kubang Pasu hari ini mencalonkan dua penyandang jawatan Naib Presiden, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib bagi mempertahankan jawatan itu pada pemilihan parti 11 Mei ini.

Bahagian yang diketuai Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu juga mencalonkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi jawatan berkenaan.

Ketiga-tiganya menewaskan tujuh calon lain yang di-

perolehi 173 undi, Muhammad (17 undi) dan Muhyiddin (159 undi) melalui undi sulit.

Muhyiddin yang pernah memenangi jawatan Naib Presiden pada 1993 dengan undi terbanyak tetapi gagal mempertahankannya pada 1996, turut menerima pencalonan dari bahagian Bachok, Kelantan hari ini.

Dua bahagian berkenaan serta Langkawi yang mengadakan mesyuarat hari ini juga sebulat suara mencalonkan Dr Mahathir bagi jawatan Presiden dan Datuk Seri Ab-

dullah untuk jawatan Timbalan Presiden.

Dengan pencalonan terbaru itu, Dr Mahathir kini mengumpul 139 pencalonan manakala Abdullah 138 pencalonan. Kini, cuma tinggal 25 bahagian belum mengadakan mesyuarat.

Ini adalah kali pertama bahagian Kubang Pasu membuat pencalonan sejak Dr Mahathir menyandang jawatan Perdana Menteri pada 1981.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah pula dicalonkan oleh bahagian Bachok untuk bertanding ja-

watan Naib Presiden, menjadikan jumlah pencalonan diterimanya setakat ini, tujuh.

Bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid dicalonkan buat kali pertama untuk bertanding bagi jawatan Naib Presiden oleh bahagian Langkawi. Sebelum ini, Sanusi cuma dicalonkan untuk bertanding mempertahankan jawatan Majlis Tertinggi (MT) dengan menerima lima pencalonan setakat ini.

Sementara itu, 25 nama yang dicalonkan oleh Umno bahagian Kubang Pasu untuk jawatan MT ialah Tan Sri

Osman Aroff, Datuk Seri Tajol Rosli, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Seri Shahidan Kdssim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Aziz Samsuddin, Datuk, Maznah Hamid, Datuk Dr Affifudin Omar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Mahadzir Mohd Khir, Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed, Datuk Khalid Yunus, Datuk Dr Shafie Salleh, Datuk Annur Musa, Tan Sri Kasitah Gadam.

Datuk Dr Hilmi Yahya,

Datuk Shahrir Samad, Raja Ropiah Raja Abdullah, Datuk Shafie Apdal, Datuk Lajim Okin, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Datuk Ishak Ismail.

Pemilihan bagi 25 calon MT diadakan secara sulit selepas perwakilan diberi kebebasan membuat pencalonan dengan 39 nama dicalonkan.

Bagi jawatan Pengerusi Tetap, bahagian itu sebulat suara mencalonkan penyandangannya, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah manakala bagi timbalan pengerusi tetap pula Wan Hanafiah Wan Mat Saman.